



كِرَالِيَّةُ كِدَاھِ دَارُ الْاَمَانِ

KERAJAAN NEGERI KEDAH DARUL AMAN

PEJABAT KEWANGAN DAN PERBENDAHARAAN

NEGERI KEDAH DARUL AMAN

ARAS 3, BLOK E, WISMA DARUL AMAN

05503 ALOR SETAR, KEDAH DARUL AMAN

Telefon : 04-702 7795

Laman Web : pkpk.kedah.gov.my

E-mel : pkpk@kedah.gov.my



Ruj.Kami Bil (22) dlm. P.Kw.N(K)2061/JPMK
Tarikh: 3 Zulkaedah 1447H
21 April 2026

Pengarah
Jabatan Kerja Raya Negeri Kedah Darul Aman
Tingkat 6, Bangunan Sultan Abdul Halim
Jalan Sultan Badlishah, 05582 Alor Setar
Kedah Darul Aman.

Pengarah
Jabatan Pengairan dan Saliran Negeri Kedah Darul Aman
Tingkat 7, Bangunan Sultan Abdul Halim
Jalan Sultan Badlishah
05000 Alor Setar, Kedah Darul Aman

Tuan,

**CADANGAN PERMOHONAN KELULUSAN KEMUDAHAN PEMBELIAN
KENDERAAN DAN PERALATAN PROJEK MELALUI KONTRAK KERJA-KERJA
PENYENGGARAAN JALAN NEGERI MARRIS NEGERI KEDAH DARUL AMAN**

Dengan segala hormatnya pentadbiran ini merujuk perkara tersebut di atas.

2. Dimaklumkan **Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Kedah** melalui **Kertas No.7 (F) 77/2026** yang telah bersidang pada **11 Mac 2026** telah memutuskan perkara-perkara seperti berikut:

- a) **Bersetuju** pindaan kepada **Garis Panduan Pekeliling PK 4.6** iaitu **Perolehan Perkhidmatan Kenderaan Projek dan Peralatan Projek Untuk Pemantauan Projek Melalui Kontrak Kerja** bagi kontrak jangka Panjang **Penyenggaraan Jalan Negeri (MARRIS)** bagi tempoh **5 tahun** bagi kenderaan dan peralatan projek.
- b) **Bersetuju** dan meluluskan permohonan pembelian kenderaan projek kategori **4WD (four wheel drive)** seperti di perenggan **4.1.2 Pekeliling 4.6** ditukarkan ke **AWD (all wheel drive)**.
- c) **Bersetuju** dan meluluskan permohonan pembelian kenderaan projek bagi nilai projek melebihi **RM50 juta** seperti di perenggan **5.1 Pekeliling 4.6** dan ke atas iaitu **3 unit** bilangan maksimum ditukarkan ke **5 unit** bilangan maksimum.

- d) Bersetuju dan meluluskan permohonan pembelian peralatan projek iaitu bilangan komputer ditukar kepada laptop bagi nilai projek melebihi RM50 juta dan ke atas dengan 5 unit bilangan maksimum ditukarkan ke 7 unit bilangan maksimum.

3. Sehubungan dengan itu, semua jabatan terlibat mestilah mengambil perhatian dan tindakan bagi perkara yang tersebut di atas dengan sebaiknya. Segala kerjasama yang baik daripada pihak tuan dalam perkara ini amatlah disanjung tinggi.

Sekian, dimaklumkan, terima kasih.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”
“KEDAH SEJAHTERA-NIKMAT UNTUK SEMUA”
“THE GREATER KEDAH”

Saya yang menjalankan amanah,



(DATO' DR. NADZMAN BIN MUSTAFFA, DSDK., SDK., AMK., BCK.)
Pegawai Kewangan Negeri Kedah Darul Aman.

- s.k.
1. Timbalan Pegawai Kewangan Negeri Kedah Darul Aman.
 2. Ketua Penolong Pegawai Kewangan Negeri (Analisa & Pemantauan Pelaburan).
 3. Ketua Penolong Pegawai Kewangan Negeri (Perolehan)
 4. Fail P.Kw.N(K) 0982 Jld. 29 (15)